

UMS dekati komuniti Sabah dengan wadah seni

NST 12.6.2014 4

SOOK: Seramai 20 mahasiswa Fakulti Ke-manusiaan, Seni dan Warisan Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah melaksanakan Program Anak Seni Bersama Keluarga Angkat di Kampung Binuwou Tengah Sook, Keningau baru-baru ini.

Bertemakan 'Memanusiakan Manusia Dengan Seni Kami Berbakti', program itu merupakan anjuran Kelab Sastera Mahasiswa (KARMA) UMS dengan kerjasama Baitul Ibadah Darul Nurrussa'adah dan Jabatan Agama Islam Sabah.

Menurut pengarah program, Hajah Badariah Zaiton, program itu antara lain bertujuan mendedahkan siswa siswi dengan semangat kekitaan seterusnya membangkitkan tekad kesedaran bahawa komitmen seni untuk manfaat komuniti.

"Dengan matlamat memanusikan manu-

sia, orang-orang seni harus siap mendukung amanah menerusi kerja-kerja amal komuniti yang ditanamkan dalam diri setiap siswa. Melalui program ini setiap mahasiswa seni dapat merasai pengalaman hidup sebagai petani bersama keluarga angkat masing-masing," katanya ketika ditemui pemberita.

Ujar beliau, pelbagai aktiviti menjadi pengisian program tersebut, antaranya termasuklah mempraktikkan serta mempelbagaikan fungsi seni dalam menyampaikan mesej kerohanian dengan amalan zikir munaqib dan mengalunkan qasidah yang indah.

"Turut dimuatkan aktiviti senaman dan gotong royong membersihkan kawasan sekitar balai raya selain program motivasi melalui persembahan kesenian dan selain aktiviti sukaneka," tambahnya.



GOTONG ROYONG... Siswa siswi UMS bergotong royong bersama penduduk kampung.